

Garis Panduan Pelayanan dan Aktiviti untuk Remaja

Asas-asas dan garis panduan ini bertujuan untuk membantu remaja serta pemimpin dewasa apabila mereka berunding bersama untuk merancang peluang pelayanan yang penuh bermakna dan aktiviti yang menyeronokkan. Asas-asas dan garis panduan ini juga boleh digunakan sebagai sumber di mesyuarat majlis pancang, bahagian dan remaja.

ASAS-ASAS

Aktiviti hendaklah dirancang dan dilaksanakan oleh pemimpin kuorum serta pemimpin kelas dengan sokongan daripada penasihat dewasa. Aktiviti-aktiviti harus:

- Menguatkan iman generasi baharu terhadap Bapa Syurgawi dan Putera-Nya, Yesus Kristus, di samping membantu remaja serta keluarga mereka maju di sepanjang jalan perjanjian ketika mereka menghadapi cabaran hidup.
- Membantu para remaja berjaya dalam usaha penyelamatan dan permuliaan (lihat *General Handbook: Serving in The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints* [2020], 1.2, [ChurchofJesusChrist.org](https://www.churchofjesuschrist.org)).
- Memberi sokongan dan memupuk rasa kekitaan dengan menguatkan perpaduan kuorum serta kelas dan membina perhubungan dengan rakan, pemimpin serta keluarga mereka.
- Menyediakan peluang-peluang yang seimbang bagi remaja melayani orang lain dan berkembang secara rohani, sosial, jasmani dan intelektual (lihat [Lukas 2:52](#)).
- Menyediakan pengalaman yang membantu remaja putera dan remaja puteri bersedia untuk memenuhi peranan ilahi mereka.
- Ikuti semua dasar dan garis panduan keselamatan Gereja serta dasar dan garis panduan yang lain (lihat [safety.ChurchofJesusChrist.org](#)).

GARIS PANDUAN

Garis panduan yang berikut boleh disesuaikan mengikut keadaan tempatan di bawah arahan pemimpin tempatan:

- Adakan pelayanan dan aktiviti setiap minggu jika boleh. Pelayanan dan aktiviti boleh diadakan tidak sekrap berdasarkan keperluan serta keadaan kuorum dan ahli kelas tetapi harus diadakan sekurang-kurangnya setiap bulan.
- Sediakan kalender sekurang-kurangnya untuk tiga bulan yang akan datang. Ini akan memastikan pelbagai aktiviti mencabar dan penuh tujuan yang seimbang, berdasarkan asas-asas di atas, dirancang untuk memenuhi keperluan kuorum individu serta ahli kelas.
- Cari peluang untuk remaja menyediakan perkhidmatan yang penuh bermakna kepada individu, keluarga serta komuniti. Pertimbangkan keperluan dan kepentingan setiap kuorum serta ahli kelas sambil menggalakkan mereka untuk meminta bantuan apabila perlu.
- Aktiviti gabungan remaja putera dan remaja puteri terutamanya memanfaatkan, oleh itu adakannya setiap bulan jika boleh. Aktiviti gabungan untuk remaja yang lebih dewasa boleh diadakan secara lebih kerap.
- Berikan peluang untuk remaja menyertai persidangan dan kem.
 - Remaja berumur 14 tahun dan ke atas akan menyertai persidangan FSY setiap dua tahun. Persidangan dan trek remaja boleh dianjurkan pada tahun di mana persidangan FSY tidak diadakan.
 - Kem Remaja Puteri dan kem kuorum Imamat Harun boleh diadakan setiap tahun.
 - Kem semalam dan aktiviti tambahan juga boleh diadakan. Untuk remaja putera, tiga hingga enam kem semalam atau aktiviti tambahan setiap tahun adalah digalakkan jika mungkin.
- Cari idea untuk aktiviti-aktiviti kuorum dan kelas di [ChurchofJesusChrist.org/youth/childrenandyouth/discover](https://www.churchofjesuschrist.org/youth/childrenandyouth/discover). Gunakan [For the Strength of Youth](#) (2011) sebagai sumber untuk merancang aktiviti.

SUMBER-SUMBER

- *Buku Panduan Umum*, bab-bab 10, 11, dan 20
- [YoungWomen.ChurchofJesusChrist.org](https://www.youngwomen.churchofjesuschrist.org)
- [AaronicPriesthoodQuorums.ChurchofJesusChrist.org](https://www.aaronicpriesthoodquorums.churchofjesuschrist.org)